

Kesan buruk kritik melulu

BN 15 AUG 1986

KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegur pengkritik-pengkritik dasar kerajaan, termasuk Dasar Pandang ke Timur, dan menyifatkan mereka sebagai salah satu punca yang menyebabkan kelemahan ekonomi negara sekarang.

Katanya, berikutan kritikan yang tidak membina dan bertanggungjawab itu, beberapa dasar kerajaan, khususnya Dasar Pandang ke Timur gagal dilaksanakan.

Perdana Menteri menjelaskan, selama tiga tahun kerajaan tidak berjaya meyakinkan rakyat untuk mencontohi cara bekerja orang Timur kerana kritikan dan tohmah golongan yang mendakwa mereka kononnya intelektual.

"Kerajaan tidak akan mengubah dasar-dasar sekarang, walaupun ada desakan daripada beberapa golongan," kata Datuk Seri Dr Mahathir ketika merasmikan pelancaran Hari Belia dan Bulan Budaya Kebangsaan di Stadium Raja

- Look east policy
Oleh NAZAR ABDUL

Muda, di sini pagi ini.

Menurutnya, Barisan Nasional mencapai kemenangan besar dalam pilihanraya umum lalu kerana rakyat menerima dasar kerajaan.

"Kita akan ketepikan kritikan-kritikan yang tidak membina daripada orang yang hanya pandai bercakap, tetapi tidak pernah membuat apa-apa," katanya.

Perdana Menteri juga mengingatkan rakyat bahawa mereka perlu bekerja lebih kuat dan berdisiplin untuk mengejar serta menyamakan kejayaan dan pembangunan dengan negara maju.

Pandai

Katanya, apabila kerajaan menganjurkan Dasar Pandang ke Timur untuk meningkatkan kejayaan rakyat dan negara, orang yang tidak bertanggungjawab melamparkan kritikan terhadap dasar itu dengan pelbagai hujah.

Beliau berpendapat mereka masih percaya bahawa orang kulit putih sahaja yang lebih pandai daripada orang kulit berwarna di Timur dan oleh itu mesti mengabdikan diri kepada orang putih.

"Kerana sifat itu pengkritik-pengkritik berkenaan membuat bermacam tohmah dan fitnah terhadap Dasar Pandang ke Timur dan berpendapat kita tidak harus mencontohi orang Timur, kerana

kononnya orang kulit putih lebih pandai daripada mereka," tambahnya.

Menurutnya, intelektual itu hanya pandai membuat ucapan, menulis esei dan rencana mengemukakan dasar Pandang ke Timur untuk menimbulkan kecurigaan rakyat terhadap kepemimpinan negara sekarang.

"Tetapi kerajaan masih yakin bahawa untuk membangunkan negara ini, kita perlu mencontohi etika kerja yang ada di Timur dan bukan di Barat," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, dasar itu bukan bertujuan mengabdikan diri kepada negara-negara di Timur, tetapi kerana kerajaan yakin cara kerja orang Timur lebih mungkin membawa kejayaan kepada rakyat negara ini daripada cara orang di negara-negara Barat.

Katanya, di negara-negara Timur kepentingan masyarakat lebih diutamakan daripada kepentingan perseorangan, dan setiap anggota masyarakat perlu mengorbankan tenaga dan wang ringgit untuk mencapai kejayaan dan pembangunan.

"Negara yang berjaya membentuk satu masyarakat yang kukuh dan kuat biasanya mempunyai anggota masyarakat yang berjaya dalam pelbagai bidang," tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, jika Malaysia inginkan satu masyarakat yang berjaya, maka setiap rakyat perlu berusaha menjayakan diri mereka bagi memenuhi keperluan negara.